

31/10/1999

Jangan tertipu dengan lawan: MB

Mohd Adnan Bahari

SABAK BERNAM: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar mengingatkan semua ahli Umno di negeri itu supaya tidak mudah termakan dakyah parti lawan yang cuba meraih simpati dengan isu yang lebih panas berikutan kenyataan yang didedahkan bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid mengenai cita-cita politik Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin.

Katanya, semua ahli Umno harus rasional, bijak dan tidak mudah menerima cerita balas ekoran pendedahan itu yang akan mereka gunakan untuk meraih simpati terutamanya di kalangan masyarakat Melayu menjelang pilihan raya yang semakin hampir.

Beliau yang juga Ketua Perhubungan Umno Negeri berkata, beliau bertanggungjawab untuk menjelaskan segala permasalahan semasa negara kepada semua ahli Umno dan anggota komponen Barisan Nasional (BN) di negeri itu supaya tidak terpengaruh dengan mudah.

"Kenyataan Murad itu sudah jelas bahawa Anwar merancang sebegitu lama untuk menumbangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi Allah Maha Mengetahui Segala.

"Jelas ekoran daripada pendedahan itu, Anwar tidak sayangkan Umno dan orang Melayu hingga sanggup berbuat demikian demi cita-cita politiknya yang mana hasil dari kegiatan beliau telah memporak-perandakan dalaman Umno dan bukan untuk memperkukuhkan Umno," katanya ketika berucap di Majlis Perjumpaan Tertutup dengan Umno Bahagian Sabak Bernam dekat sini semalam.

Beliau berkata, begitu juga dengan orang kenamaan yang turut didedahkan memperlihatkan betapa seriusnya perancangan yang disusun oleh bekas timbalan perdana menteri itu membabitkan wang bernilai berbilion banyaknya.

Pendedahan itu juga menurut Abu Hassan menguntungkan kepada ahli Umno yang sebelum ini kurang meyakini cerita itu dan tidak mahu menerima hakikat bahawa cerita bukan direka-reka tetapi mempunyai bukti kebenarannya.

Ketika ditanya mengenai Umno Selangor sudah menyenaraikan calon yang akan digugurkan menjelang pilihan raya akan datang, Abu Hassan berkata, sehingga kini beliau sendiri tidak mengetahui atau bersedia memaklumkan senarai calon-calon.

"Keputusan muktamad terletak di tangan Perdana Menteri dan sehingga kini saya sendiri pun belum tahu lagi siapa yang menjadi calon termasuk diri saya sendiri," katanya sambil berseloroh.

Abu Hassan dalam rangka lawatan sehari Pemimpin Bersama Rakyat sambil meninjau kemajuan beberapa projek mega di daerah Sabak Bernam yang sedang berjalan rancak sekarang.

(END)